


IPMB, UMS berjaya hasilkan benih ketam bakau

DE 27.8.2016 2

KOTA KINABALU: Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB), Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya menghasilkan benih ketam daripada spesies ketam bakau (*Scylla Tranquebarica*) bermula April lepas, setelah usaha penyelidikan secara berterusan sejak 2012.

Pengarah IPMB UMS Prof Dr Rossita Shapawi berkata kejayaan menghasilkan benih ketam melalui akuakultur itu satu pencapaian sangat signifikan dalam industri akuakultur dan sumber perikanan kerana ia membolehkan penghasilan benih untuk penternakan secara komersil.

“Selain itu, ia (kejayaan penghasilan benih) mampu membaik pulih sumber semula jadi melalui program penambahbaikan stok kerana sebelum ini, ketam bakau dan aktiviti akuakultur seperti penghasilan ketam berkulit lembut bergantung sepenuhnya kepada sumber asli,” katanya kepada pemberita di sini, pada Jumaat.



BENIH ketam bakau (33 hari) yang dihasilkan oleh UMS.

Beliau berkata usaha pembiakan dalam sangkar bagi spesies ketam bakau berkenaan bermula sejak 2012 dan di peringkat awal, ia menghadapi beberapa masalah termasuk jangkitan penyakit mengakibatkan sejumlah besar ketam induk itu mati.

“Dengan adanya penyelidikan yang dijalankan kumpulan pakar IPMB, kita telah mengenal pasti punca menyebabkan jangkitan penyakit itu dan langkah pencegahan diwujudkan demi memper-

baiki pengurusan induk,” katanya.

Rossita berkata susulan penyelidikan itu, pihaknya berjaya mempertingkatkan mutu kematangan ketam induk dalam sangkar melalui pelbagai usaha seperti penambahbaikan nutrisi induk, simulasi aktiviti pasang surut serta mewujudkan habitat yang berada di kawasan bakau.

“Walaupun skala pengeluaran adalah kecil pada peringkat ini, kita berjaya menghasilkan berjuta-juta larva dengan kadar ketahanan lima peratus ketam instar,” katanya.

Beliau berkata pihaknya akan meneruskan pelbagai kajian termasuk membuat kolaborasi bersama Tokyo University of Marine Science and Technology dalam bidang penghasilan larva ketam bakau.

“Oleh itu, kami berharap akan memperoleh dapatan yang lebih baik dan seterusnya menyumbang kepada industri akuakultur dan sumber perikanan,” kata beliau.